**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 17 FEBRUARI 2020 (ISNIN)


| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Berita Harian** | |
| - Selangor Pilih MBPJ | 46 |
| **Harian Metro** | |
| - Aktiviti sambutan Hari Wilayah | 35 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>17 FEBRUARI 2020 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Selangor Pilih MBPJ |
| Muka Surat | 46 |

# Selangor pilih MBPJ

BH 17/2/2020 ms 46

## FAS yakin dapat terus guna Stadium Shah Alam




***Keratan akhbar*** *BH pada keluaran 9 Februari lalu.*

**Kuala Lumpur:** Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dijangka menjadi venue pasukan Selangor sekiranya mereka berdepan halangan daripada menggunakan Stadium Shah Alam bagi musim 2020.

Itu antara alternatif berada dalam perancangan Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) yang jelas sudah bersedia dengan pelbagai kemungkinan bagi memastikan skuad The Red Giants memiliki venue rasmi bagi mengharungi saingan awal Liga Malaysia (Liga M) musim ini.

Bagaimanapun, Setiausaha Agungnya, Dr Johan Kamal Hamidon menegaskan pihaknya percaya pasukan itu tidak akan 'merempat' dan dapat terus menggunakan gelanggang keramat itu sekalipun dikatakan berdepan masalah yang mampu mengancam keselamatan penyokong sebelum ini.

"Kita yakin dapat gunakan Stadium Shah Alam bagi musim 2020. Pemeriksaan akan dilakukan sekali lagi oleh Liga Bolasepak Malaysia (MFL) pada 21 Februari ini.

"Melihat kepada perkembangan sedia ada, peluang Selangor untuk terus kekal di Stadium Shah Alam memang cerah namun mungkin ada beberapa lokasi akan ditutup untuk melakukan perubahan.

"Tetapi dengan saiz stadium yang besar, kami berpendapat tidak ada masalah untuk menampung kehadiran penyokong ke stadium nanti," katanya.

Difahamkan, hanya permukaan padang dan bilik persalinan sahaja yang perlu diperbaiki bagi memastikan Stadium Shah Alam diberi kelulusan oleh badan pengendali liga itu untuk dijadikan venue rasmi perlawanan.

Bagaimanapun, skuad bimbingan B Satianathan itu hanya akan beraksi di laman sendiri pada aksi kedua Liga Super apabila dijadual berdepan Perak, 7 Mac ini.

Sebagai rekod, Stadium Shah Alam yang dibina dengan kos RM480 juta dan dibuka pada 1994 itu mampu memuatkan lebih 80,000 penyokong dan sering kali digunakan bagi menganjurkan aksi final domestik ataupun perlawanan antarabangsa.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**17 FEBRUARI 2020 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Aktiviti sambutan Hari Wilayah |
| Muka Surat | 35 |





# AKTIVITI SAMBUTAN HARI WILAYAH

HM 17/2/2020 ms 35

FOTO AIZUDDIN SAAD

PESERTA yang mengambil bahagian dalam acara berbasikal.

ORANG ramai bersedia sejak awal pagi untuk acara larian Run For Wilayah di Dataran DBKL, Kuala Lumpur.

PENGUNJUNG berpeluang menaiki kereta kuda sambil bersiar-siar.

PASUKAN pancaragam DBKL membuat persembahan sebelum acara larian.

## Kenduri rakyat

FOTO ASWADI ALIAS

PENDUDUK berkumpul untuk melihat demonstrasi melukis karikatur di Pusat Komuniti Gombak Setia, Wangsa Maju.

KANAK-kanak terhibur sambil mendengar cerita.

AKTIVITI melukis oleh kanak-kanak.